

12/02/1998

HVD pelawa dua konsortium bergabung

Mokhtar Alias

SEBUAH syarikat penerbitan drama televisyen terbesar negara ketika ini, HVD Entertainment, mempelawa dua konsortium terbesar dalam bidang yang sama bergabung atau menjalankan perkongsian pintar.

Menerusi usaha itu, HVD bersama Konsortium Keris Motion yang mempunyai 19 ahli gabungan dan Rumpun Usaha dengan 21 ahli boleh menghasilkan produksi drama yang lebih besar dan bermutu untuk pasaran dalam negara juga dieksport ke luar negara.

Pengarah Eksekutif HVD Entertainment, Adnan Zakaria berkata beberapa syarikat penerbitan lain, terutama syarikat kecil yang turut terkena tempias kegawatan ekonomi sekarang turut diundang menyertai penggabungan itu.

Dalam suatu temuramah khas dengan Pusparia di pejabatnya di Taman Emas, Cheras, semalam, dia berkata penggabungan itu akan memperkukuhkan kedudukan syarikat penerbitan yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah ketika ini.

"Jika sektor perbankan dan syarikat kewangan yang lebih besar dan kompleks boleh bergabung untuk menjadi syarikat lebih besar, kenapa kita tidak boleh melakukannya."

"Tidak ada gunanya kita bercakaran sesama sendiri, lebih baik kita duduk semeja, berunding dan sama-sama berkongsi untuk memajukan industri," katanya.

Adnan berkata idea penggabungan itu dibuat hasil nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri, Ramadan lalu.

Ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan semua pihak yang terbabit dalam penerbitan drama serta filem tempatan bergabung dan pada masa yang sama meningkatkan eksport produk masing-masing untuk dijual di stesen televisyen luar negara.

Beliau berkata, pengeluaran produk tempatan yang selama ini agak perlahan kesan kegawatan ekonomi, dengan sendirinya akan meningkat sekiranya sasaran untuk mengutamakan eksport menjadi kenyataan.

Menurut Adnan, bagi mencapai hasrat itu pihaknya bersedia menjadi pelopor dan menyelaraskan suatu perjumpaan serta dialog tertutup di antara pihak yang berminat dalam penggabungan itu.

"Dalam keadaan pasaran yang terhad ketika ini, saya fikir cadangan Perdana Menteri perlu diterima dengan terbuka oleh semua pihak," katanya.

Dia berkata semua pihak yang bergabung boleh menggunakan kemudahan yang pasca produksi serba canggih milik HVD serta sebuah kompleks studio penggambaran di Cheras.

Menurutnya, kadarnya boleh dirundingkan kerana mereka sama-sama berada dalam satu gabungan.

Adnan berkata HVD boleh menjadi syarikat payung yang antara lain boleh mengamalkan sistem vendor, iaitu sesuatu syarikat membuat produksi drama untuk dijual kepada HVD. Seterusnya, HVD memasarkan produksi berkenaan.

Pihaknya juga memberi jaminan bukan saja menyediakan kemudahan studio penggambaran dan pasca produksi, malah memberikan sistem pembiayaan untuk menerbitkan sesuatu drama.

"HVD mempunyai 192 pusat pengedaran drama di seluruh dunia termasuk Eropah, Amerika Latin dan Timur Tengah yang ketika ini banyak membeli program terbitan syarikat kami."

"Drama dari syarikat yang menyertai penggabungan ini dengan sendirinya akan dialih bahasa ke dalam bahasa asing untuk dipasarkan ke seluruh

dunia."

"Kita mempunyai semua kemudahan untuk membuat drama juga filem. Cuma, kita perlukan lebih banyak tenaga kreatif dan produk bermutu untuk bersaing di pasaran dunia," kata Adnan.

Sebanyak 70 peratus ekuiti HVD Entertainment dimiliki oleh Kurnia Padu Sdn Bhd (70 peratus keluarga Sebastian Foo, 30 peratus Adnan) dan 30 peratus lagi dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadan.

(END)